



# جياتن كحاكيمان شرعية هليسيا

## JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM)

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : JKSM/100-24/5  
Takwim : 5 Zulkaedah 1421  
Tarikh : 29 Januari 2001

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,  
Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-negeri

### **Arahan Amalan No. 6 Tahun 2001**

#### **Alasan Penghakiman**

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil.2/2000 pada 9 – 11 Oktober 2000 di Melaka dan keputusan Mesyuarat Ketua-ketua Hakim Syarie kali ke 17 di Labuan 27 Oktober 2000 bersamaan dengan 26 Rejab 1421 telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerimapakai arahan Alasan Penghakiman. Alasan Penghakiman sesuatu kes hendaklah disediakan tidak lewat dari sebulan dari tarikh penghakimannya.

2. Ianya hendaklah menyentuh isu yang dibangkitkan, pemakaian undang-undang, Hukum Syarak, pentafsiran dan ulasan ke atas hujah-hujah pihak-pihak, Otoriti kes yang dirujuk. Semasa penulisan dibuat penggunaan tanda tulisan yang betul seperti perenggan, koma, noktah, pengikat kata, seruan dan sebagainya hendaklah diikuti. Arahan ini adalah berkuatkuasa serta merta.

(Dato' Sheikh Ghazali Bin Hj. Ab. Rahman)  
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Kuala Lumpur  
2 Febuari 2001